



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 JANUARI 2023 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

16 JANUARI 2023 (ISNIN)

ADUAN



Nasi lemak yang didakwa tidak ada telur dan harganya lebih mahal berbanding harga di Kuala Lumpur.

Harga makanan melampau

WUJUD peniaga di Terengganu yang mengenakan harga melampau bagi sebungkus nasi lemak biasa (tanpa telur) dengan harga RM3.50. Diharapkan pihak berkaitan memantau harga jualan para peniaga di negeri berkenaan kerana ia lebih mahal berbanding harga di Kuala Lumpur.

- Pembeli di Terengganu

Minyak masak peket, telur ayam masih kurang di pasaran

MINTA pihak berwajib di kawasan Merlimau, Melaka memantau bekalan minyak masak peket dan telur ayam sepapan 30 biji. Ada juga penjual meletakkan harga telur ayam berkenaan dengan harga agak tinggi iaitu RM17.90 sepapan. Minta penguat kuasa pantau segera.

- Penduduk Merlimau